

# **PERBARISAN BULANAN PEGAWAI MEMERINTAH INSTITUT PENGAJIAN PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN (INSTAR)**

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/2449-perbarisan-bulanan-pegawai-memerintah-institut-pengajian-pentadbiran-dan-pengurusan-instar-3](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/2449-perbarisan-bulanan-pegawai-memerintah-institut-pengajian-pentadbiran-dan-pengurusan-instar-3)

SUBANG, 20 Sept 17 - Perbarisan Bulanan Pegawai Memerintah Institut Pengajian Pentadbiran dan Pengurusan (INSTAR) telah diadakan di Padang Kawad INSTAR. Perbarisan telah dihadiri seramai 350 anggota terdiri daripada pegawai, jurulatih, staf dan pelatih kursus.

Pegawai Memerintah telah menyempurnakan majlis penyampaian Anugerah Khas Pegawai Memerintah, Anugerah Jurulatih Terbaik dan Anugerah Staf Terbaik INSTAR. Bagi Anugerah Khas Pegawai Memerintah disandang oleh Mej Shuhaniff bin Sharuddin TUDM, Kapt Syuhada Azreen bin Norazman TUDM dan Sjn U (W) Siti Aishah binti Mohammad, manakala bagi Jurulatih Terbaik disandang oleh F/Sjn Mohd Khlib @ Khalib bin Wahab dan Staf Terbaik disandang oleh LU II Muhammad Safwan bin Mohd Shokri.

Turut diadakan penyampaian Sijil Penghargaan kepada pelatih Kursus Asas Pembantu Pentadbiran Kelas 1 iaitu LU I (W) Cristina Nina ank Baret, LU I (W) Nurul Dewi Qaisara binti Chunam dan LU I (W) Yusrina binti Yaakop dalam kejayaan meraih pingat dalam kejohanan Sukan Sea 2017.

Pegawai Memerintah INSTAR mengharapkan agar semua pelatih mengimplikasikan ilmu yang telah dipelajari semasa berkursus di INSTAR dengan cara yang bijak bersama pemikiran yang bernas untuk menguruskan dan menyelesaikan masalah yang berlaku di unit masing-masing.



